

PERATURAN PERMAINAN TENIS

1. Peraturan Teknikal

1.1 Undang - undang permainan

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Tenis Antarabangsa (ITF) Undang-Undang dan Persatuan Lawn Tenis Malaysia (LTAM).

1.2 Perkara yang tidak dinyatakan.

- 1.2.1 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan diguna pakai. Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan ini, akan diputuskan berdasarkan Peraturan Am SUKIPT IV.
- 1.2.2 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Tenis SUKIPT IV adalah muktamad

2. Peraturan Pertandingan

2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan

- 2.1.1 Acara tenis mempertandingkan **5 acara individu** iaitu:-
 - 2.1.1.1 Perseorangan Lelaki
 - 2.1.1.2 Perseorangan Wanita
 - 2.1.1.3 Bergu Lelaki
 - 2.1.1.4 Bergu Wanita
 - 2.1.1.5 Bergu Campuran

2.2 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

- 2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih dari **2 orang pemain** bagi setiap acara perseorangan lelaki dan wanita.
- 2.2.2 Setiap IPT dibenarkan mendaftar tidak lebih **dari 2 bergu (4 pemain)** bagi setiap acara bergu lelaki, bergu wanita dan bergu campuran.

- 2.2.3 Setiap pemain dibenarkan menyertai 3 kategori acara yang di pertandingan didalam sukan tenis.
- 2.2.4 Borang pendaftaran pemain yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan atau pada tarikh akhir yang telah ditetapkan. Hanya pemain yang didaftarkan di dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam kejohanan ini.
- 2.2.5 Borang pendaftaran perlawanan hendaklah diserahkan kepada pegawai teknikal yang bertugas di meja teknikal 15 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 2.2.6 Setiap pemain diwajibkan menyertakan salinan Kad Pelajar (Kad Matrik) pemain bersama-sama dengan borang pendaftaran perlawanan sebelum setiap perlawanan dimulakan bagi tujuan pengesahan pemain. Sekiranya terdapat pemain yang menarik diri selepas pendaftaran atau menarik diri semasa pertandingan, yuran tidak akan dikembalikan.

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Pertandingan dijalankan secara kalah mati (knock out) mengikut Peraturan Am (9) SUKIPT.
- 2.3.2 Pusingan Awal dan suku akhir akan ditentukan dengan kiraan pro set, first to reach 9 (8/8 tie break).
- 2.3.3 Keputusan perlawanan separuh akhir dan akhir akan ditentukan dengan tiga set terbaik (Best of 3 set).
- 2.3.4 Sistem kiraan tambahan (Tie Break System) akan dijalankan apabila kiraan game' meningkat Enam (6) sama di dalam sesuatu set.
- 2.3.5 Pada peringkat awal sehingga suku akhir, pengadil yang disediakan adalah secara "Rooming Empire". Pada peringkat separuh akhir dan akhir "Chair Empire" akan disediakan.

2.4 Pakaian Pertandingan

- 2.4.1 Yang bersesuaian dengan permainan tenis
- 2.4.2 Bagi acara bergu, baju pemain (sekurang-kurangnya dari segi warna) hendaklah sama dengan pasangannya di dalam setiap perlawanan.
- 2.4.3 Pakaian pemain tenis terdiri daripada seluar pendek atau seluar trek panjang, baju-T berkolar atau tanpa kolar, stoking dan kasut getah. Untuk pemain wanita pula, skirt atau seluar panjang. (**Warna sebaik-baiknya putih**) atau baju pasukan IPT masing-masing.
- 2.4.4 Rujuk perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT.

2.5 Peralatan Pertandingan

- 2.5.1 Pihak penganjur hanya menyediakan bola untuk pertandingan.
- 2.5.2 Menjadi tanggungjawab pengurus pasukan dan pasukan bagi menyediakan peralatan lain yang difikirkan perlu bagi setiap perlawanan.

3. Ringkasan Penyertaan

Permainan	Format Pertandingan (Individu)	Atlet		Pegawai	
		L	W	L	W
TENIS	Perseorangan lelaki				
	Perseorangan Wanita				
	Bergu Lelaki	7	7	2	2
	Bergu Wanita				
	Bergu Campuran				